



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.35/ 2017

ORANG RAMAI DINASIHAT TIDAK MEMPERCAYAI TULAR MENGENAI TARIKH PEMBUBARAN PARLIMEN DAN HARI PENGUNDIAN PRU14.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ingin menjelaskan bahawa mesej yang ditularkan di media sosial mengenai kononnya pembubaran Parlimen akan berlaku pada 11 Januari 2018, manakala penamaan calon pula pada 11 Mac 2018 dan Hari Pengundian ditetapkan pada 25 Mac 2018 adalah langsung tidak munasabah kerana tarikh pembubaran dan pengundian yang dinyatakan adalah melebihi tempoh 60 hari sepertimana yang dinyatakan di bawah Perkara 55(4) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan bahawa apabila Parlimen dibubarkan suatu pilihan raya umum hendaklah diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh ia bubar. Oleh itu, orang ramai adalah dinasihatkan agar tidak mempercayai tarikh-tarikh yang tular itu kerana hak untuk membubarkan Parlimen adalah di bawah perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sekian.

TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

PUTRAJAYA

Tarikh: 28 Disember 2017